



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2006

**PINDAAN SYARAT KELAYAKAN KEMUDAHAN TAMBANG
MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL BAGI PEGAWAI
YANG BERTUKAR WILAYAH**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan berhubung dengan pindaan syarat kelayakan penggunaan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah.

TAKRIF

2. Dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini:
- (a) “ibu negeri wilayah asal” bermaksud ibu negeri-ibu negeri bagi negeri-negeri di Wilayah Semenanjung.
 - (b) “bandar-bandar utama” bermaksud :
 - (i) Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau bagi Wilayah Sabah;
 - (ii) Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri bagi Wilayah Sarawak; dan
 - (iii) Labuan bagi Wilayah Labuan.

LATAR BELAKANG

3. Peraturan semasa memperuntukkan Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal dari tempat tinggal pegawai ke ibu kota wilayah asal. Kemudahan tambang disediakan adalah mengikut tambang sebenar penerbangan dan tidak menjelaskan kedudukan bayaran insurans penumpang, cukai lapangan terbang dan surcaj bahan api sama ada ditanggung oleh pegawai atau Kerajaan.

4. Setelah dipertimbangkan, Kerajaan bersetuju menambahbaik kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal yang dibiayai oleh Kerajaan sekali bagi setiap tempoh dua (2) tahun bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah.

PELAKSANAAN

5. Berikutan keputusan Kerajaan tersebut, syarat kelayakan penggunaan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah adalah **dipinda** seperti berikut:

- (a) kemudahan tambang diperluaskan untuk tambang perjalanan dari tempat tinggal di wilayah berkhidmat ke ibu negeri wilayah asal (seperti diisytiharkan oleh pegawai) bagi pegawai dari Semenanjung atau bandar utama bagi pegawai yang berasal dari Sabah, Sarawak atau Labuan; dan
- (b) kadar tambang adalah meliputi keseluruhan kos tambang kapal terbang termasuk harga tiket penerbangan, cukai lapangan terbang, insurans penumpang dan surcaj bahan api.

PINDAAN

6. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, peraturan semasa yang berkuat kuasa di perenggan 5, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1997 yang berkaitan adalah **dipinda** selaras dengan keputusan Kerajaan melonggar syarat kelayakan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah.


TARIKH KUAT KUASA

7. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 September 2006**.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK AB. KHALIL BIN AB. HAMID)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

11 September 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan